



**SIARAN MEDIA
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SIARAN MEDIA

**PROGRAM ZIARAH SAHUR
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2025**

Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah hari ini berkesempatan menghadiri ke Program Ziarah Sahur Agensi Antidadah Kebangsaan 2025 bertempat di Rumah Perantara AADK Wilayah Persekutuan di Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Program itu adalah inisiatif Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi AADK untuk menyantuni klien AADK yang sedang mengikut program rawatan dan pemulihan dalam komuniti (RPDK) dan klien yang mengikuti *Post Continuum Care Programme*.

Objektif penganjuran Program Ziarah Sahur ini adalah untuk menyantuni golongan yang memerlukan seperti mereka yang masih memerlukan sokongan AADK demi kepulihan penagihan dadah, meningkatkan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan program pemulihan yang disediakan oleh AADK. Selain itu, program ini juga diadakan untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah.

Program Ziarah Sahur ini dihadiri seramai 59 klien AADK di sekitar Kuala Lumpur yang menerima perkhidmatan Rumah Perantara AADK Wilayah Persekutuan secara langsung sejak beroperasi pada Februari 2024.

Sehingga hari ini, lebih 400 klien AADK telah menerima manfaat Rumah Perantara AADK Wilayah Persekutuan yang diwujudkan hasil kerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Pelbagai program disediakan di fasiliti itu antaranya program psikospiritual, program psikopendidikan, program bimbingan, program kesihatan bersama Kementerian Kesihatan dan pelbagai majlis ilmu dengan pelbagai pihak termasuk MAIWP.

-TAMAT-

**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KAJANG, SELANGOR, 24 MAC 2025**

E-mel: pro@aadk.gov.my

No. Tel: 03-8911 2424/2420/2564